


HARI : KHAMIS
TARIKH : 28/11/2019
M/SURAT : 1



Apung berperingkat

Oleh Mohd Husni
 Mohd Noor
 mhusni@hmie-
 tro.com.my

Kuala Lumpur

Harga petrol bagi RON95 akan diapungkan secara berperingkat sebaik Program Subsidi Petrol (PSP) dilaksanakan Januari depan supaya ia tidak membebankan pengguna.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Chong Chieng Jen berkata, kementerian memutuskan menaikkan harga bahan api itu sebanyak satu sen setiap minggu sehingga harga petrol RON95 itu mencapai harga pasaran.

"Keputusan mengapungkan harga minyak itu bagi meringankan kos hidup rakyat selain mengelak harga barang naik secara mendadak.

"Kita akan apungkan harga petrol berperingkat sebanyak satu sen seminggu sehingga harga RON95 sampai harga pasaran," katanya pada sesi jawab lisan di sidang Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan dikemukakan Rubiah Wang (PH-GPS) yang mahu tahu mekanisme kementerian untuk mengelak harga barang meningkat selepas pelaksanaan PSP itu.

Katanya, PSP tidak akan dilaksanakan di Sarawak,

Harga petrol RON95 akan dinaikkan satu sen setiap minggu bermula Januari ini



HARGA petrol RON95 akan dinaikkan sebanyak satu sen setiap minggu sebaik Program Subsidi Petrol dilaksanakan bermula Januari tahun depan.

Sabah dan Labuan sebaliknya terus menikmati harga subsidi RON95 pada harga RM2.08 seliter.

Chieng Jen berkata, kementerian juga ada Akta Kawalan Harga supaya peniaga tidak mengambil kesempatan dan mengaut keuntungan berlebihan selepas pelaksanaan PSP kelak.

Sebelum ini, Menteri Per-

dagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution memaklumkan PSP hanya dikuat kuasa di Semenanjung yang bakal meringankan beban kira-kira 2.9 juta perenerima Bantuan Sarawak (BSH) yang memiliki kenderaan.

"Bagaimanapun, rakyat di Sabah, Sarawak dan Labuan akan menikmati subsidi petrol secara pukal iaitu pada harga runcit semasa RM2.08 seliter setelah kerajaan mengambil kira keperluan yang kebanyakannya menggunakan kenderaan berkapasiti enjin besar dan diesel.

"Oleh itu, rakyat Sabah, Sarawak dan Labuan dikecualikan daripada pelaksanaan PSP dan pengapungan harga jualan runcit petrol RON95," katanya.

**Harga RON95
 dinaikkan setiap minggu
 sehingga mencapai
 harga pasaran**